

# MASJID DAN PEMBENTUKAN MODAL SOSIAL: APAKAH FAKTOR PENENTU AKTIVISM MASJID?

Hairunnizam Wahid  
Nor Ghani Md Nor  
Jaafar Ahmad  
Sanep Ahmad

Pusat Pengajian Ekonomi, UKM

## ABSTRAK

Masjid adalah satu institusi masyarakat yang memainkan peranan yang sangat besar di masa lalu. Peranannya dalam pembentukan modal sosial (*social capital*) yang menyumbang kepada kecemerlangan peradaban memang telah lama diiktiraf. Antara faktor yang dapat menyumbang kepada kekuatan masjid dalam pembentukan modal sosial ialah keaktifannya menganjurkan program kemasyarakatan seperti ceramah, kuliah, dialog, kuliah, kursus, gotong-royong dan aktiviti sosial lain. Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi keaktifan masjid dalam mengendalikan aktiviti yang sedemikian. Pembolehubah keaktifan dijadikan proksi kepada peranan masjid sebagai pembentuk modal sosial dan hubungannya dengan faktor-faktor penentu telah dianggar menggunakan kaedah regresi logistik dengan mengawal masalah heterokedastisiti. Dapatan awal menunjukkan bahawa keaktifan masjid dipengaruhi secara signifikan oleh tahap pendidikan pengurus utama, kecukupan dana, kategori masjid dan gaya pengurusan. Terdapat juga faktor-faktor sosio ekonomi yang didapati tidak signifikan dalam menerangkan tahap keaktifan masjid. Walaupun begitu, penafsiran kepada faktor-faktor ini perlu dibuat dengan berhati-hati untuk mengelak dari inferens yang salah akibat dari cara pengukuran yang tidak langsung. Umpamanya, lokasi masjid mungkin merupakan proksi kepada mana-mana atau semua dari pembolehubah berikut: tahap pendidikan masyarakat setempat, gaya hidup harian, nilai setempat dan komposisi ahli kariah. Hasil kajian ini dapat membantu penggubal dasar dalam merancang program aktivism masjid yang lebih berkesan.

## PENGENALAN

Dalam sejarah Islam, masjid merupakan satu institusi yang amat penting. Ia bukan sekadar merupakan satu tempat bagi umat Islam melakukan ibadat-ibadat khusus seperti sembahyang, membaca al-Qur'an, berzikir dan seumpamanya, bahkan ia telah dijadikan pusat pembangunan masyarakat Islam yang lebih menyeluruh. Oleh kerana itulah usaha pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW untuk membentuk masyarakat dan negara Islam di Madinah ialah mendirikan masjid. Masjid Nabawi di Madinah telah menjadi nadi kepada kegiatan penting di zaman Rasulullah, di mana baginda mendidik umatnya supaya dapat mengatur urusan hidup dan urusan agama pada peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Lantaran itu, masjid telah memainkan peranan yang amat luas yang mencakupi aspek-aspek ibadat, ilmu, politik, ekonomi, ketenteraan, pentadbiran, pembentukan dasar negara, perhubungan antara negara dan sebagainya. (Lokman dan Musa, 1996)

Dewasa ini, dalam memastikan segala aktiviti masjid berjalan dengan lancar, pihak pengurusan masjid yang diketuai oleh pengerusi dan ahli jawatankuasa masjid sering menyusun berbagai bentuk aktiviti samada aktiviti yang bersifat tahunan, bulanan, mingguan dan juga harian. Aktiviti tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk seperti aktiviti keagamaan, aktiviti sosial dan juga projek ekonomi seperti menubuhkan koperasi, mengadakan kedai, rumah sewa dan sebagainya. Segala aktiviti ini akan membentuk satu modal sosial (*social capital*) yang akan menyumbang kepada kecemerlangan peradaban masyarakat Islam. Walau bagaimanapun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa aktiviti masjid yang telah dilaksanakan masih belum mantap (Roslan 2003). Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah skop aktiviti masjid yang masih sempit, pengurusan tidak sepadu dan selaras dan kedudukan kewangan masjid yang kurang baik. Kesannya, kebanyakan masjid hanya berperanan sebagai tempat sembahyang Jumaat dan sembahyang jamaah sahaja. Sudah tentu suasana sedemikian amat berbeza dari peranan masjid yang diasaskan oleh Rasulullah seperti dinyatakan di atas.

Namun sejak akhir-akhir ini, usaha untuk mengembalikan peranan masjid yang komprehensif telah digerakkan semula dalam banyak negara Islam. Di Malaysia, berberapa forum, bengkel dan seminar telah diadakan sejak dua dekad yang lalu untuk menganjurkan supaya pihak pengurusan masjid di seluruh negara dapat mengembangkan peranan dan aktiviti masjid masing-masing di samping mempertingkatkan mutu pengurusan. Antara perbincangan awal yang pernah diadakan ialah satu seminar masjid anjuran Yayasan UMMI Malaysia pada tahun 1986 dan satu muzakarah pegawai-pegawai pengurusan masjid peringkat kebangsaan di bawah anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. (Jaafar et. al 2001)

Mengembalikan peranan masjid ke tempatnya yang asal memerlukan kepada kefahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi aktivism masjid. Untuk mencapai hasrat tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang secara signifikan mempengaruhi keaktifan aktiviti sesebuah masjid. Kebanyakan kajian yang telah dibuat sering membuat telahan bahawa faktor kewangan merupakan faktor yang terpenting dalam menggerakkan aktiviti masjid (lihat Lokman & Musa 1996; Jaafar et. al 2001; Joni & Che Zarrina 2003). Walau bagaimanapun kesemua kajian ini

tidak menguji telahan tersebut secara empirikal. Malah kebanyakan kajian yang telah dilakukan berkenaan masjid adalah berkisar kepada isu pengurusan masjid secara umum sahaja. Pembolehubah keaktifan dijadikan proksi kepada peranan masjid sebagai pembentuk modal sosial dan hubungannya dengan faktor-faktor penentu telah dianggar seperti kategori dan lokasi masjid, pendidikan dan pekerjaan pengerusi masjid, pendapatan yang dijana oleh masjid, jumlah pendapatan dan perbelanjaan, bantuan jabatan agama serta gaya pengurusan masjid. Kajian ini akhirnya boleh membantu penggubal dasar untuk merangka strategi yang konkrit dalam menggerakkan aktiviti masjid.


## **STRUKTUR PENGURUSAN MASJID**

Dalam Perlembagaan Malaysia, Jadual Ke-9 senarai 2 butiran 1, dinyatakan bahawa hal-hal berkaitan dengan agama Islam adalah di bawah kuasa negeri-negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Oleh itu, masjid termasuk di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti mana yang ditentukan oleh akta atau enakmen negeri masing-masing. Dalam akta atau enakmen tersebut dinyatakan dengan jelas bidang kuasa ahli jawatankuasa dan pegawai-pegawai masjid, termasuklah kuasa yang berkaitan dengan pengurusan dana dan harta. Sebagai contoh, dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Negeri Selangor 1989 seksyen 58(1), terdapat peruntukan menjamin dari segi pengurusan dan pembiayaan masjid oleh Majlis Agama Islam Negeri supaya masjid mampu menunaikan fungsinya yang sempurna sebagai pusat ibadat umat Islam.

Dalam pengurusan sesebuah masjid terdapat dua pasukan yang terlibat. Pertama ialah ahli jawatankuasa masjid dan kedua ialah pegawai-pegawai masjid. Pihak yang sebenar merancang dan mengelolakan semua aktiviti masjid ialah jawatankuasa masjid di mana biasanya ahli jawatankuasa itu terdiri antara 10 hingga 15 orang yang dilantik mengikut kaedah-kaedah tertentu seperti yang akan dihuraikan nanti. Manakala pegawai-pegawai masjid adalah terdiri dari nazir, imam, khatib, bilal, mungkim dan noja (siak), di mana mereka dilantik oleh Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri dan diberi elaun tertentu. Pegawai-pegawai ini hanya menjalankan tugas masing-masing yang telah ditetapkan dan tidak terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan pengurusan masjid. Sebahagian masjid turut melantik nazir, imam dan khatib juga dilantik sebagai ahli jawatankuasa masjid dan sebahagian lagi hanya menjemput pegawai-pegawai tersebut untuk hadir dalam mesyuarat jawatankuasa apabila perlu.

Kaedah perlantikan ahli jawatankuasa masjid agak berbeza antara negeri-negeri di Malaysia. Kaedah pertama ialah melalui pemilihan di mesyuarat agung ahli kariah, di mana mesyuarat memilih calon untuk semua jawatan dan senarai calon itu diserahkan kepada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri untuk disahkan. Kaedah kedua ialah Majlis melantik individu-individu tertentu untuk mengisi jawatan-jawatan penting seperti pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan sebilangan ahli jawatankuasa, manakala mesyuarat agung ahli kariah hanya melantik beberapa orang lagi ahli jawatankuasa yang diperuntukan. Kaedah ketiga ialah Majlis Agama Islam Negeri melantik semua ahli jawatankuasa dari jawatan pengerusi hingga ke jawatan ahli biasa. Dalam perkembangan terakhir, semakin banyak negeri yang cenderung beralih dari kaedah pertama kepada kaedah ketiga dalam perlantikan jawatankuasa masjid masing-masing. Kebanyakan masjid tidak memberi elaun kepada ahli jawatankuasa ini.

**Carta 1: Struktur dan Pentadbiran Masjid**



Dalam semua kaedah perantaraan di atas, setiap pemegang jawatan telah ditentukan kelayakan, tugas dan tanggungjawab masing-masing. Biasanya struktur pengurusan masjid ialah seperti digambarkan dalam Carta 1. Jawatan terpenting ialah pengerusi kerana ia merupakan orang yang paling berpengaruh dan aktif dalam kariah masjid berkenaan. Oleh kerana itu pengerusi diberi tanggungjawab untuk mengetuai pasukan pengurusan masjid dan megawal segala urusan yang berkaitan dengan dana dan harta masjidnya.

Jawatan kedua terpenting ialah setiausaha yang mengendalikan dan melaporkan semua aktiviti masjid yang telah dirancang oleh jawatankuasa. Manakala urusan tatacara penerimaan dan pembayaran dari tabung masjid dikendalikan oleh bendahari. Dengan perkataan lain, bendahari secara individu tidak mempunyai kuasa untuk merancang dan menguruskan dan dan harta masjid, tetapi perkara-perkara tersebut perlu diputuskan oleh jawatankuasa masjid secara kolektif. Masjid-masjid yang besar ada mewujudkan jawatan penolong bendahari yang berperanan untuk menolong bendahari kerana tugas yang berkaitan dijangkakan banyak dan rumit. Tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti khusus seperti kebajikan, pendidikan, dakwah, sambutan dan kebersihan biasanya diagihkan kepada ahli-ahli lian dalam jawatankuasa itu.

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Data kajian ini telah dikutip melalui temubual dengan 50 pengerusi jawatankuasa masjid dari seluruh Semenanjung Malaysia yang telah dipilih secara rawak. Senarai bagi semua masjid di setiap negeri telah diperolehi dari Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Temubual telah dijalankan menggunakan satu set instrumen soal selidik yang telah disediakan supaya data berkaitan keaktifan masjid dan faktor-faktor yang dijangka mempengaruhinya dapat dikutip. Daripada 50 set soal selidik yang diisi, cuma 46 sahaja yang digunakan kerana sebahagian lagi tidak dipenuhi dengan lengkap akibat dari ketidaksediaan responden menamatkan temubual atau ketiadaan data yang lengkap.

Pembolehkan keaktifan masjid telah diukur menggunakan proksi kewujudan beberapa jenis aktiviti yang dijalankan selain sembahyang berjemaah. Jenis aktiviti tersebut ialah program bercorak keagamaan, program sosial dan projek ekonomi. Masjid yang menganjurkan sekurang-kurangnya dua jenis aktiviti dianggap sebagai aktif. Tentu sekali kekerapan aktiviti boleh dihujahkan sebagai proksi yang lebih baik. Namun penelitian yang lebih mendalam mendapati proksi ini kurang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini kerana dua sebab. Pertama, pengalaman menunjukkan responden jarang dapat menentukan secara pasti bilangan aktiviti yang dijalankan mengikut jenis aktiviti kerana ketiadaan rekod. Kedua, walaupun bilangan aktiviti dapat ditentukan, terdapat masalah pengukuran saiz relatif antara aktiviti yang dijalankan. Oleh itu, untuk mengelakkan dari masalah ini, pembolehkan keaktifan telah diukur secara dikotomi.

Faktor-faktor yang mempengaruhi keaktifan pula telah ditentukan menggunakan 8 pembolehkan iaitu Kategori, Lokasi, Tahap Pendidikan Pengerusi, Kekerapan Mesyuarat, Kecukupan Pendapatan, Jumlah Pendapatan, Pendapatan Dijana Projek Ekonomi dan Bantuan Jabatan Agama Islam. Pembolehkan Kategori mewakili taraf masjid samada negeri, daerah atau mukim (termasuk kampung). Lokasi pula mewakili kedudukan geografi sesebuah masjid iaitu bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Pembolehkan Tahap Pendidikan Pengerusi mengukur pencapaian tertinggi pengerusi jawatankuasa masjid, manakala Kekerapan Mesyuarat cuba mengukur gaya pengurusan dan kesungguhan jawatankuasa masjid merancang dan memantau aktiviti. Pembolehkan Jumlah Pendapatan mewakili jumlah hasil yang diperolehi dari semua sumber dan Kecukupan Pendapatan diukur dengan menilai penyataan responden samada dana yang dikutip mencukupi untuk menampung perbelanjaan bagi aktiviti yang dirancang. Jumlah Pendapatan dianggap sebagai faktor yang penting dalam mempengaruhi aktiviti masjid kerana sering dihujahkan bahawa masalah kewangan selalu mengekang aktivism masjid. Kecukupan Pendapatan pula diharap dapat menguji hipotesis bahawa masjid yang aktif menghadapi masalah kewangan walaupun terdapat pandangan yang sebaliknya kerana keaktifan masjid akan menggalakkan penjanaan sumber pendapatan (contohnya dari derma yang lebih besar). Pembolehkan Pendapatan Dijana Projek Ekonomi pula mengukur peratusan pendapatan yang diperolehi dari sumber tersebut. Ini penting kerana terdapat telahan bahawa masjid yang mempunyai projek ekonomi membawa gambaran bahawa pihak pengurusan masjid sangat bersungguh-sungguh dalam mengurus kewangan, dan seterusnya, aktiviti masjid. Usaha menjana pendapatan dari projek ekonomi juga menunjukkan keperluan kewangan yang tinggi untuk membiayai aktiviti dan pengurusan masjid. Akhir sekali, pembolehkan Bantuan Jabatan Agama Islam mewakili jumlah hasil yang diperolehi dari sumbangan langsung Jabatan Agama Islam negeri. Ia dimasukkan dalam kajian untuk menguji hipotesis bahawa masjid yang menerima bantuan dari pihak berwajib adalah lebih aktif berbanding masjid yang tidak menerima sebarang bantuan.

Seterusnya penganggaran menggunakan regresi logistik binomial telah dibuat untuk menentukan yang manakah daripada pembolehkan-pembolehkan di atas mempengaruhi secara signifikan keaktifan sesebuah masjid. Regresi logistik binomial diaplikasikan dalam kajian ini kerana pembolehkan bersandar cuma mengambil dua nilai. Spesifikasi model yang dianggar adalah seperti berikut:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 \text{Kategori}_i + \beta_2 \text{Lokasi}_i + \beta_3 \text{Pendidikan Pengerusi}_i + \beta_4 \text{Kekerapan Mesyuarat}_i + \beta_5 \text{Kecukupan Pendapatan}_i + \beta_6 \text{Jumlah Pendapatan}_i + \beta_7 \text{Bantuan Jabatan Agama}_i + \beta_8 \text{Pendapatan Dijana Projek Ekonomi}_i$$

## HASIL KAJIAN

Hasil penganggaran ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Secara umum tanda untuk koefisien bagi semua pembolehubah adalah seperti yang dijangkakan. Terdapat empat pembolehubah yang mempengaruhi secara signifikan keaktifan masjid. Pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah Kategori masjid, Tahap Pendidikan Pengerusi, Kekerapan Mesyuarat dan Kecukupan Pendapatan. Dengan mengawal pengaruh faktor-faktor kategori masjid yang lebih rendah (mukim) adalah cenderung lebih aktif berbanding dengan kategori lain yang lebih tinggi. Tahap pendidikan pengerusi jawatankuasa masjid juga didapati mempengaruhi keaktifan masjid. Semakin tinggi tahap pendidikan orang yang bertanggungjawab menguruskan masjid, maka semakin cenderung sesebuah masjid untuk menjadi aktif. Seperti yang dijangkakan, perhatikan juga bahawa gaya pengurusan, seperti yang diukur oleh pembolehubah kekerapan mesyuarat jelas menunjukkan, secara signifikan mempengaruhi keaktifan masjid. Kekerapan mesyuarat memberi kesan yang positif kepada keaktifan masjid. Akhir sekali, kecukupan pendapatan juga memberi kesan kepada aktiviti masjid. Masjid yang kekurangan dana lebih cenderung untuk menjadi kurang aktif sekali gus nampaknya menyokong pandangan bahawa kekurangan dana mengekang aktiviti masjid. Walaubagaimanapun perlu diingat bahawa pembolehubah Kecukupan Pendapatan adalah pembolehubah relatif dimana aktiviti masjid terkekang apabila pendapatan yang dikutip di dapati tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Ini tidak bermaksud bahawa kekurangan dana secara mutlak melembabkan aktiviti masjid. Ini ditunjukkan oleh koefisien Jumlah Pendapatan yang tidak signifikan yang membawa implikasi bahawa peningkatan kutipan tidak secara bebas meningkatkan kecenderungan untuk sesebuah masjid menjadi aktif.

**Jadual 1**  
**Keputusan Regresi Logistik Binomial**

Pembolehubah Bebas	Koefisien	Ralat Piawai	Statistik Wald	Exp (B)
Konstan	-10.26	4.96	4.27	0.00**
Kategori masjid	3.61	1.53	5.58	37.08**
Lokasi (1)	0.48	1.47	0.10	1.61
Lokasi (2)	0.04	1.43	0.00	1.03
Tahap Pendidikan Pengerusi	-0.50	0.29	2.96	0.60*
Kekerapan Mesyuarat	0.28	0.14	3.88	1.32**
Kecukupan Pendapatan	-0.31	0.14	4.68	0.73**
Jumlah Pendapatan	0.00	0.00	0.71	1.00
Pendapatan dijana projek ekonomi	0.627	0.514	1.490	1.872
Bantuan Jabatan Agama Islam	0.001	0.001	0.705	1.001

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%

\* Signifikan pada aras keertian 10%.

Adalah agak menarik untuk diperhatikan bahawa kewujudan projek ekonomi dan bantuan kewangan yang diterima dari Jabatan Agama Islam tidak mempengaruhi

keaktifan masjid secara signifikan. Dapatan ini perlu diinterpretasi dengan berhati-hati. Terdapat kemungkinan bahawa masjid yang kurang aktif akibat dari kekurangan dana yang dikutip mungkin mendapat perhatian dari Jabatan Agama Islam dan seterusnya menerima bantuan. Jika ini benar maka adalah salah untuk membuat kesimpulan bahawa bantuan dari Jabatan Agama Islam tidak membantu dalam mengaktifkan masjid.

Interpretasi keputusan adalah lebih mudah dilihat jika diperhatikan nilai "odds" (kebarangkalian) bagi pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar (Jadual 1, lajur ke-4). Sebagai contoh, peningkatan kekerapan mesyuarat sebanyak satu unit meningkatkan "odds" sebanyak 1.32 kali ganda untuk sesebuah masjid itu dikategorikan sebagai aktif.

Beralih kepada isu kesepadanan model pula, Jadual 2, yang merupakan jadual klasifikasi regresi logistik, membandingkan jangkaan model yang dianggar dengan pemerhatian sebenar.

**Jadual 2**  
**Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Binomial**

Pemerhatian	Jangkaan	
	Aktif	Tidak Aktif
Tidak Aktif	6	8
Aktif	30	2

Nota: Peratusan Betul

Aktif	= 93.80%
Tidak aktif	= 57.1%
Keseluruhan	= 82.6%

Jadual 2 menunjukkan bahawa 82.6% daripada masjid telah diklasifikasikan dengan betul. Sebanyak 93.80% masjid yang aktif telah diklasifikasikan dengan betul manakala peratusan betul untuk klasifikasi masjid kurang aktif pula cuma 57.1%. Peratusan yang telah dinyatakan ini jauh lebih baik dari tekaan secara rambang (chance). Namun begitu oleh kerana data yang diperolehi adalah tidak seimbang maka keputusan yang sebegini memang telah dijangkakan. Ketidakseimbangan ini, walaubagaimanapun tidak perlu dibimbangkan kerana kesesuaian model masih boleh dibuat dengan kriteria yang diperbaiki yang telah lama digunakan (Morrison, 1969). Menggunakan kaedah ini, kriteria yang patut digunakan diberi oleh rumus:

$$C_{prop} = p^2 + (1 - p)^2$$

Apabila rumus ini digunakan (sila rujuk Hair et al, 1992 untuk perbincangan lanjut), ke atas sampel yang tidak seimbang dengan peratusan 69.6% dan 30.4%, kriteria yang harus digunakan untuk menentukan kesesuaian model ialah 57.6%. Keupayaan model yang digunakan untuk menjangka keaktifan masjid adalah jelas jauh lebih tinggi dari nilai ini secara keseluruhan. Namun perhatikan juga bahawa model yang dianggar tidak dapat menjangka masjid yang kurang aktif dengan baik.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi aktivism masjid di Semenanjung Malaysia. Aktivism masjid adalah penting kerana ia sangat berpotensi untuk membentuk modal sosial yang memainkan peranan mempengaruhi prestasi ekonomi sesebuah masyarakat baik dalam jangka pendek maupun dalam jangkamasa panjang. Kajian ini mendapati bahawa kategori masjid, tahap pendidikan mereka yang bertanggungjawab menguruskan masjid, gaya pengurusan dan dan kecukupan pendapatan sebagai faktor-faktor penting yang mempengaruhi keaktifan masjid. Faktor-faktor lain seperti jumlah kutipan dan bantuan kewangan dari Jabatan Agama Islam didapati tidak mempengaruhi aktivism masjid.



## **RUJUKAN**

- Hair, J.F.,R.E. Anderson, R.L.Tatham & W.C.Black. 1992. *Multivariate Data Analysis with Readings*. 3<sup>rd</sup> Ed. New York: Macmillan Publishing Company.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Majid & Hairunnizam Wahid. 2001. Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellance in Econ. Research & Policy Formulation, 23-24 April 2001, Anjuran Fakulti Ekonomi UKM dan UUM.
- Joni Tamkin Borhan & Che Zarrina Saari. 2003. Pembangunan Ekonomi Masjid. Dalam Dalam Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusof. Membangun Institusi Masjid. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication
- Lokman & Musa. 1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.
- Maktab Kerjasama Malaysia. 1991. Seminar Koperasi Kariah Masjid.
- Roslan Mohamed. 2003. Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusof. Membangun Institusi Masjid. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication